

Kenali rahsia manuskrip, perubatan Islam

Kesenian Islam



Oleh DR. ROS MAHWATI
AHMAD ZAKARIA

Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia
rosmahwati@ukm.edu.my



PEMANDANGAN pameran Al-Tibb yang sedang berlangsung di Muzium Kesenian Islam Malaysia.

PERUBATAN Islam adalah antara bidang ilmu yang sering mendapat perhatian dalam masyarakat Islam. Secara amnya, istilah perubatan atau perawatan merangkumi perihal penjagaan kesihatan dan pemuliharaan pesakit.

Namun begitu terdapat segelintir ahli masyarakat yang mungkin menganggap perawatan Islam hanya melibatkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dan doa sahaja.

Sebaliknya, sejarah tamadun Islam membuktikan bahawa masyarakat Islam adalah antara pelopor kepada perawatan moden yang ada hari ini.

Tokoh Islam paling dikenali dalam bidang ini ialah Ibnu Sina yang turut dikenali sebagai Avicenna dalam kalangan masyarakat Barat. Beliau telah menulis sebuah koleksi manuskrip perubatan bertajuk *al-Qanun fi al-Tibb* yang diterjemah berulang kali di Barat bawah judul *The Canon of Medicine*.

Selain daripada manuskrip Ibn Sina, Ibnu an-Nafis juga seorang lagi tokoh perubatan Islam yang menyumbang kepada bidang perubatan selepas lebih 200 tahun Ibnu Sina meninggal dunia.

Beliau adalah seorang ahli perubatan yang dianggap sebagai individu yang sangat pintar kerana sumbangannya dalam bidang perubatan pulmonari atau



ILUSTRASI anatomi wanita yang sedang mengandungi dalam manuskrip *Al-Bayan fi Tashrih al-Abdan*.

paru-paru.

Antara manuskrip yang ditulis beliau ialah *al-Mujaz fi al-Tibb* yang bermaksud inti sari perubatan.

Kebanyakan tokoh perubatan Islam turut menggunakan ilustrasi anatomi manusia sebagai nota tambahan dalam manuskrip perubatan bagi memudahkan pemahaman pelajar atau pewaris mereka, seterusnya

memahami maklumat yang ingin disampaikan terutama berkaitan dengan saraf, peredaran darah dan sebagainya.

Selain daripada tokoh-tokoh ternama Islam, terdapat ratusan naskhah manuskrip perubatan di wilayah Islam yang telah diamalkan dan direkodkan oleh individu tidak ternama namun mahir dalam ilmu perubatan setempat untuk diwarisi generasi Islam seterusnya di kawasan tersebut.

Sebagai contoh, rahsia perubatan Islam tempatan masih boleh dilihat dalam manuskrip Melayu yang menjadi koleksi di kebanyakan perpustakaan, arkib dan muzium pada hari ini.

Antaranya, sebuah manuskrip

Melayu yang tersimpan di Muzium Kesenian Islam telah dikenal pasti sebagai satu daripada warisan perubatan tempatan yang merekodkan secara sistematik tentang penyakit kulit yang dikenali sebagai puru.

Manuskrip bertulisan tangan ini memperlihatkan kematangan, fokus, kemahiran,

pengetahuan dan pengalaman penulis dari segi tulisan yang konsisten dan sangat kemas, ilustrasi yang jelas serta gaya penulisan dan penjelasan sangat teratur. Penyakit ini mungkin sangat jarang diketahui pada hari ini disebabkan oleh kemajuan sistem perubatan pada hari ini.

Warisan perubatan dari seluruh dunia Islam baik dari segi warisan manuskrip perubatan manusia dan haiwan, ilustrasi anatomi badan manusia dan artifak perubatan Islam yang berusia ratusan tahun boleh dilihat dan didekati dalam



MANUSKRIP penyakit puru yang dipamerkan.

PERUBATAN ISLAM

Segelintir menganggap perawatan Islam hanya melibatkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dan doa sahaja. Sebaliknya, sejarah tamadun Islam mencatatkan bahawa masyarakat Islam adalah antara pelopor kepada perawatan moden hari ini.

Antara yang terkenal ialah Ibnu Sina atau Avicenna dalam kalangan masyarakat Barat.

Ibnu an-Nafis juga seorang lagi tokoh perubatan Islam yang muncul selepas lebih 200 tahun Ibnu Sina meninggal dunia.

Antara sumbangan Ibnu An-Nafis adalah dalam bidang perubatan pulmonari atau paru-paru.

Selain tokoh-tokoh ternama Islam, terdapat juga pakar perubatan Islam tidak ternama yang menulis ratusan naskhah manuskrip perubatan di wilayah Islam.

pameran Al-Tibb: Tradisi Penawar dalam Manuskrip Perubatan Islam yang sedang berlangsung di Muzium Kesenian Islam Malaysia ketika ini.

Sebuah penerbitan yang ditulis oleh

pengkaji-pengkaji bidang manuskrip Islam dan manuskrip Melayu turut mengiringi pameran ini. Lebih daripada 40 buah manuskrip perubatan dibincangkan dan dianalisis dalam buku yang sangat menarik ini.